

18 OCT 2003

OIC-Analisis/I

SIDANG KEMUNCIAK OIC: MANFAAT BAGI MALAYSIA, UMMAH

Oleh: Shakir Husain

PUTRAJAYA, 18 Okt (Bernama) -- Sidang kemuncak pemimpin-pemimpin Islam di Malaysia telah memberikan tumpuan terhadap isu-isu sebenar yang dihadapi 1.3 bilion umat Islam dunia.

Harapan dan keprihatinan terhadap Ummah disuarakan secara jelas dalam deklarasi, resolusi dan pernyataan di akhir Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 pada Jumaat.

Malah sebelum bermulanya mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan OIC pada 11 Okt, sidang kemuncak OIC kali ini dijangka melewati ucapan sambil lewa dan perbincangan politik.

Memandangkan Malaysia amat dikagumi oleh dunia Islam berikutan kejayaan perindustriannya, adalah sesuai apabila satu persidangan ahli-ahli sains terkemuka dari negara-negara OIC diadakan mendahului sidang kemuncak itu.

Persidangan sains dan teknologi di Kuala Lumpur dari 7-10 Okt menggesa peningkatan yang besar terhadap perbelanjaan bagi penyelidikan dan pembangunan dalam dunia Islam.

Ia turut menggesa anggota-anggota OIC untuk menggabungkan sumber dan mewujudkan tabung bagi membangunkan industri teknologi maju.

Presiden Pakistan Jeneral Pervez Musharraf semasa berucap pada forum perniagaan, iaitu acara yang diadakan buat pertama kali sempena sidang kemuncak OIC, menyentuh mengenai tahap ekonomi yang lemah di kebanyakan negara Islam.

"Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) keseluruhan Ummah dianggarkan \$1,400 bilion manakala bagi Jepun sahaja ialah \$4,500 bilion," kata Musharraf kepada forum itu, yang dihadiri pemimpin perniagaan ulung dan beberapa ketua negara Islam.

Para pemimpin pertubuhan 57 anggota itu bersetuju bahawa terdapat keperluan bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara OIC, pertukaran kepakaran dan berkongsi pengalaman dalam pelbagai bidang.

Memiliki satu perlima daripada keseluruhan keluasan tanah dunia, 70 peratus daripada sumber tenaga global dan 40 peratus daripada eksport bahan mentah antarabangsa, potensi pembangunan sebenar OIC masih belum digunakan sepenuhnya.

Agenda bagi pembangunan perlu berasaskan kepada perpaduan OIC, kesamaan, dasar pro-perniagaan dan prinsip demokrasi.

Malaysia telah berikrar akan memimpin dalam isu-isu ini dan mendapatkan kerjasama daripada negara-negara anggota.

"Kita perlu komited dan beriltizam untuk melaksanakan agenda baru bagi penyatuan ummah dan mamajukan ekonomi negara anggota," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada ucapan penutup.

Satu daripada topik yang hangat dibincangkan sepanjang persidangan itu ialah mengenai penyuburan dan penstrukturan semula OIC.

"Adalah penting Sekretariat OIC mewujudkan mekanisme bagi melaksanakan semua cadangan yang dibuat," kata Dr Mahathir.

Indonesia, Iran, Malaysia dan Pakistan merupakan negara yang lantang memperjuangkan pembaharuan OIC bagi mengikis imejnya sebagai sebuah pertubuhan yang tidak bertaring.

Deklarasi Putrajaya turut mengiktiraf kepentingan sains, teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi dalam dunia Islam.

Ia juga menggesa kerjasama ekonomi dan perdagangan yang lebih luas di kalangan anggota OIC sejajar dengan usaha Malaysia memperkenalkan penggunaan dinar sebagai sistem pembayaran dagangan.

Deklarasi itu menepati sepenuhnya tema persidangan iaitu "Ilmu Pengetahuan dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah".

Sidang kemuncak itu turut mendengar gesaan ke arah penyertaan rakyat yang lebih banyak dalam hal ehwal negara.

Dalam ucapan perasmiannya, Dr Mahathir berkata pemimpin-pemimpin Islam tidak seharusnya menikmati kekuasaan untuk diri sendiri tetapi juga menggunakannya dengan bijak, berhati-hati dan bersepadu bagi "rakyat kita, Ummah dan agama Islam."

Pada hari terakhir sidang kemuncak itu, Presiden Iran Mohammad Khatami menyuarakan pandangan yang serupa, dengan menggesa anggota-anggota OIC supaya mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi.

Israel dan negara-negara kuasa besar dunia yang dikuasai Yahudi muncul sebagai ancaman sebenar kepada banyak anggota OIC.

Resolusi OIC mengutuk pendudukan tentera Israel di wilayah Palestin dan ancamannya terhadap Syria serta Lebanon.

Berada di bawah naungah Amerika Syarikat dan Eropah, negara Yahudi dilihat sebagai satu-satunya sumber keganasan dan konflik yang paling berpotensi. Hakikat bahawa terdapat ciri-ciri ala-mafia mengenai Zionisme, ideologi di sebalik negara Israel menjadi nyata berikutan reaksi di Amerika Syarikat, Eropah dan Australia terhadap ucapan Dr Mahathir yang merujuk kepada kuasa yang dimiliki beberapa juta Yahudi di dunia.

Kritikan terhadap ucapan itu dicetuskan oleh laporan media barat yang memutarbelitkan fakta-fakta tertentu untuk menjadikan seolah-olah ucapan Perdana Menteri kelihatan seperti anti-Yahudi dan bukan maksud yang sepatutnya iaitu meminta umat Islam agar mendapatkan lebih pengaruh dalam hal ehwal global.

Tindakan media barat yang suka mensensasikan sesuatu berita itu jelas menjerat leher sendiri.

Mereka menerima cemuhan kalangan masyarakat media antarabangsa dan celaan daripada pemimpin Malaysia.

Kontroversi yang tidak diundang itu, bagaimanapun, gagal untuk memalapkan kejayaan Malaysia dalam menganjurkan sidang kemuncak berkenaan yang diadakan buat pertama kali di wilayah Asia Pasifik.

Kejayaan Malaysia dalam menganjurkan acara berprestij itu menerima banyak pujian daripada beberapa pemimpin OIC.

Malaysia telah berjaya mencapai kedudukan yang tinggi dalam dunia Islam tetapi mulai sekarang pemimpin negara akan berdepan dengan ujian untuk merealisasikan janji-janji yang dibuat di Putrajaya.

-- BERNAMA

SKH SKH AAM ROS